



# SIARAN MEDIA

## PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2020

**PUTRAJAYA, 28 JULAI** - Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri bertempat di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra pada pukul 9.00 pagi ini. Hadir bersama-sama adalah YB Dato' Saifuddin Bin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020.

Bertemakan “**Malaysia Prihatin**”, program kelolaan Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk menyuburkan semangat patriotisme, perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia. Pemilihan tema pada tahun ini adalah bersesuaian dengan keadaan semasa yang sedang memerangi pandemik COVID-19. **Malaysia** membawa pengertian bahawa seluruh rakyat Malaysia turut bersama-sama dengan Kerajaan memerangi COVID-19 manakala **Prihatin** membawa pengertian bahawa keprihatinan Kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat ditunjukkan melalui inisiatif PRIHATIN yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

Selari dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyekat penularan pandemik COVID-19, program berlangsung secara **hybrid/digital** (penggabungan dua elemen fizikal dan digital). Antara pengisian utama Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada tahun ini adalah:

- Amanat YAB Perdana Menteri (Lintas langsung dari Johor, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak);
- Upacara menaikkan bendera dan nyanyian Lagu Negaraku (serentak di semua Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di WP Putrajaya dan Pusat Pentadbiran Negeri);
- Upacara Simbolik Gelora Jalur Gemilang : Pemasangan hiasan Jalur Gemilang di bangunan Kementerian/Jabatan/Agensi serta Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri; dan
- Pelepasan *Info On Wheels* Merdeka (IOW Merdeka).

Sempena Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada tahun ini, Jabatan Penerangan Malaysia turut mengadakan **Majlis Pelepasan *Info On Wheels* Merdeka** yang disempurnakan sendiri oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri. Sebanyak 10 buah kenderaan Jabatan Penerangan Malaysia menyertai acara ini sebagai simbolik.

Selepas pelancaran ini, unit IOW di setiap negeri akan bergerak menjelajah ke seluruh negara meliputi **153 daerah** ke kawasan komuniti di bandar dan luar bandar. Aktiviti hebahan akan disemarakkan dengan lagu-lagu patriotik di samping mesej kempen-kempen nasional seperti Rukun Negara, Kempen Kibar Jalur Gemilang, mesej-mesej berkaitan pencegahan COVID-19 dan pesanan khidmat masyarakat berkaitan inisiatif Kerajaan Persekutuan.

Hebahan akan dibuat melalui pembesar suara Unit Bergerak (Mobile Unit) Jabatan Penerangan Malaysia dengan disertai aktiviti edaran dan pemasangan Jalur Gemilang di kawasan komuniti dengan mengamalkan SOP yang ditetapkan Kerajaan. Sebanyak **3,060 program IOW Merdeka** disasarkan bagi pelaksanaannya pada tahun ini dengan 20 kali program bagi setiap 153 daerah.

Sempena menggelorakan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini juga pelbagai pertandingan telah dirancang dan dijalankan secara atas talian, antaranya:

- Pertandingan Bintang Patriotik Smule 2020;
- Pertandingan Pidato Kenegaraan;
- Pertandingan Pengisahan Kenegaraan;
- Pentarama Live Jam – Edisi Merdeka;
- Pertandingan Mewarna dan Melukis Sempena Bulan Kebangsaan 2020;
- Info On Wheels (IOW) Merdeka;
- Sayembara Cerpen Merdeka;
- Sayembara Sajak Merdeka; dan
- Pertandingan Fotografi Klik@Merdeka 2020.

Maklumat lanjut mengenai penyertaan program-program tersebut disediakan di dalam laman sesawang Jabatan Penerangan Malaysia di <https://www.penerangan.gov.my/japenv2/>.

Bersama-sama kita semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 dengan berkongsi tanda pagar (hashtag) **#MalaysiaPrihatin**, **#MerdekaMoment**, **#MalysiakuMerdeka** dan **#KibarJalurGemilang**.

###

Disediakan oleh	:	Jawatankuasa Media dan Publisiti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia Aras 10, Kompleks KKMM Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
Tel	:	03 – 8911 3440
Faks	:	03 – 8911 7544
E-mel	:	bmkk@inform.gov.my / malysiaprihatinhkhm2020@gmail.com